



# OM perkasa program SSO

» Jalin kerjasama dengan MDeC, TalentCorp tingkat kebolehpasaran graduan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@mediaprima.com.my

**O**utsourcing Malaysia (OM), inisiatif di bawah Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM), memperkenalkan program baharu bagi meningkatkan penawaran bakat tempatan dalam industri penyumberan luar dan perkhidmatan perkongsian (SSO).

Program dikenali Program Kebolehpasaran Siswazah itu adalah hasil kerjasama antara OM, Multimedia Development Corporation (MDeC) dan diterajui oleh Talent Corporation Malaysia (TalentCorp).

Seramai 200 pelajar universiti akan menyertai program berkenaan bagi tempoh 12 bulan, seterusnya menyertai latihan intensif selama 10 hari yang dikhususkan untuk sumber manusia atau Penyumberan Proses Perniagaan (BPO) kewangan.

Pengerusi OM, David Wong Nan Fay, berkata program untuk meningkatkan bakat tempatan itu bakal disertai beberapa ins-



David (tengah) bersama P. Kasi (kiri) dan Zulfiqar Zainuddin (kanan) ketika sidang media Outsourcing Malaysia (OM) di Cyberjaya. [ FOTO SADDAM YUSOFF/BH ]

titusi pengajian tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

## Bermula 50 pelajar

"Program Kebolehpasaran Siswazah ini sudah bermula dengan 50 pelajar UKM menyertai programnya. Sedikit masa lagi, program ini akan mendapat penyertaan pelajar daripada universiti lain pula," katanya selepas majlis pertukaran perjanjian persefahaman (MoU) dengan UKM di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Yang turut hadir Pengerusi PIKOM, Cheah Kok Hoong; Naib Presiden Bahagian SSO MDeC,

Michael Warren; Ketua Kebolehpasaran Siswazah TalentCorp, Siti Nuliza Mohd Sahar; dan Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM, Prof Dr Nor Ghani Md Nor.

Program Kebolehpasaran Siswazah juga adalah sebahagian daripada inisiatif maklum balas kepada Kajian Penyurih Siswazah Kementerian Pelajaran 2012 yang melaporkan kira-kira 25 peratus daripada siswazah tempatan menganggur atau 51,835 orang daripada keseluruhan 202,328 orang.

Seramai 200 pelajar tahun dua dan tiga universiti tempatan yang menyertai program selama setahun akan mendapat sijil yang diiktiraf oleh International Association of Outsourcing Profession-

nals (IAOP), seterusnya menyertai program latihan industri selama 10 minggu hingga enam bulan dengan syarikat SSO

## Sokong industri

Program yang menerima kemasukan kumpulan pertama itu menawarkan pilihan iaitu program sumber manusia atau pengurusan kewangan.

David berkata, program seumpama itu penting bagi menyokong industri SSO yang kini berdepan cabaran dalam mendapatkan pekerja mahir dalam kalangan pelajar lepasan universiti.

"Industri SSO Malaysia masih bergelut untuk mendapatkan pekerja mahir tidak seperti negara maju lain," katanya.